



LAPORAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2024

TAJUK INOVASI:

EASE NASAL STICK

"ONE DEEP INHALE THAT SAVES YOUR LIFE"

Gritz Sdn Bhd (1450048-T)



Isi Kandungan

a.	Nama Syarikat	2
b.	Pengenalan.....	2
c.	Penerangan hasil inovasi	2
	Bahan-bahan di dalam Ease Nasal Stick	3
	Kelulusan National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)	6
	Ujian Makmal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang Memastikan Tiada Bahan Kimia atau Campuran di dalam Ease Nasal Stick	6
	Kajian Usahasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) Mengenai Keberkesanan Ease Nasal Stick Terhadap Perokok.....	7
d.	Tarikh inovasi dihasilkan	13
e.	Tujuan projek inovasi	13
f.	Proses pelaksanaan inovasi	14
g.	Proses sebelum dan selepas	16
h.	Kumpulan sasar dan skop liputan	18
i.	Impak inovasi terhadap kumpulan sasar	18
	Elemen inovatif / kreatif	18
	Elemen keberkesanan.....	19
	Elemen signifikan	22
	Elemen Relevan.....	23
j.	Pengiktirafan diterima	27
k.	Gambar-gambar berkaitan	28
l.	Penutup.....	29

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

TAJUK INOVASI – EASE NASAL STICK “ONE DEEP INHALE THAT SAVES YOUR LIFE”

a. Nama Syarikat

Syarikat	:	Gritz Sdn Bhd
Alamat	:	No 47-1 Jalan 7/7A, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
No telefon	:	03- 89221979 (Pejabat) / 013-3503766 (Telefon Bimbit)
Nama projek	:	EASE Nasal Stick Inhaler

b. Pengenalan

Gritz Sdn Bhd merupakan syarikat milik bumiputera yang berpakaran untuk menformulasikan pelbagai produk berasaskan minyak pati tumbuhan (Essential Oils) yang berkualiti tinggi. Kepakaran Gritz di dalam bidang minyak pati sudah melebihi 7 tahun di mana Pengasas syarikat ini ialah seorang Aromaterapis Bertauliah IFA (UK). Beliau telah menformulasikan pelbagai produk berasaskan minyak pati dari tumbuh-tumbuhan untuk kesihatan dan kecantikan diri.

Selain menformulasikan produk, Gritz menawarkan latihan dan Sijil Aromaterapi dengan usahasama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia melalui Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

c. Penerangan hasil inovasi

Ease Nasal Stick merupakan inhaler pertama di Malaysia yang berasaskan minyak pati tumbuhan yang mendapat kelulusan National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ease Nasal Stick merupakan formulasi daripada Pengasas Gritz Sdn Bhd, Rita Omar, seorang Aromaterapis bertauliah IFA (UK).

Ease Nasal Stick diformulasikan untuk membantu mereka yang mempunyai masalah berkaitan ketagihan merokok dan juga membantu mereka yang mempunyai masalah kesihatan lain seperti resdung, selsema, sakit tekak, batuk dan migrain.

EASE Nasal Stick menggunakan minyak pati tumbuhan dari cengkih (clove), lada hitam (black pepper), pudina (peppermint) dan limau gedang (grapefruit). Minyak pati ini adalah 100% tulen TANPA campuran bahan kimia seperti Camphor dan Menthol, dan disahkan bebas dari campuran bahan kimia terlarang dan aditif oleh Makmal Inbiosis Universiti Kebangsaan Malaysia.

EASE Nasal Stick mempunyai bau yang menyegarkan, tidak menyakitkan hidung dan seakan menyerupai bau tembakau yang terhasil dari minyak pati cengkih (clove) dan minyak pati lada hitam (black pepper). Kajian oleh National Library of Medicine, US mendapati bahawa ketika hiduan, ia memberikan kelegaan pada hidung, beri kesan pemanasan kepada dada dan merupakan minyak pati terbaik untuk mengurangkan symptom negatif yang berkaitan dengan 'nicotine withdrawal'.

Gritz Sdn Bhd komited dalam memastikan produk Ease Nasal Stick ini dapat membantu perokok keluar dari masalah ketagihan terhadap nikotin dan mengurangkan symptom 'nicotine withdrawal' semasa proses berhenti merokok atau vape.

Bahan-bahan di dalam Ease Nasal Stick

Minyak pati cengkih (Clove)



Minyak pati cengkih mimik kepada bau tembakau atau rokok kretek dimana ia membantu perokok untuk mengurangkan ketagihan hasil dari bau cengkih yang ala-ala tembakau seterusnya membantu perokok mengurangkan keinginan untuk merokok. Dalam masa yang sama, ianya bersifat antiseptik dan anti-radang yang tinggi untuk membaiki kerosakan pada arteri akibat nikotin dan juga boleh berkesan dalam mempercepatkan penyembuhan masalah mulut dan gusi termasuk system pernafasan yang boleh berlaku akibat daripada penggunaan tembakau dalam jangka panjang.

Minyak pati lada hitam (Black pepper)



Mengikut beberapa kajian, minyak lada hitam paling berkesan digunakan untuk mengatasi ketagihan nikotin.

Kesan dari minyak pati lada hitam apabila dihidu, ia akan masuk kedalam saluran pernafasan yang akan meniru perasaan merokok dengan memberi pemanasan kepada dada perokok yang dipercayai memainkan peranan penting dalam mengurangkan keinginan untuk

berhenti merokok dan menjadikan perjalanan untuk berhenti merokok menjadi lebih mudah.

Minyak pudina (Peppermint)




Dengan bau mentol yang menyegarkan, ia akan mengalihkan keinginan dan seterusnya menyekat nafsu untuk merokok. Pudina juga mampu melegakan gangguan kepada perut, untuk bernafas lebih mudah dan jika perokok mual akibat pengeluaran nikotin (nikotin withdrawal).

Minyak Limau gedang (Grapefruit)



Minyak limau gedang bersifat diuretic yang akan stimulasi system limfatik dalam tubuh untuk membantu menyahkan toksin yang terdapat dalam tubuh akibat dari nikotin.



Apabila minyak pati dihidu, molekul minyak pati tersebut akan melalui hidung iaitu deria bau yang akan menyerap pada reseptor di sistem limbik dan seterusnya ke hipotalamus iaitu bahagian otak yang mengawal kadar denyutan jantung, tekanan darah, pernafasan, ingatan, tahap tekanan dan keseimbangan hormon.

Di kawasan ini, terdapat amigdala dan hippocampus yang berperanan untuk dalam proses sesuatu bau atau aroma. Amigdala mengawal tindak balas emosi. Ingatan wangian pula terletak di hippocampus. Selepas bau itu dihantar ke kawasan ini, ia akan dikategorikan sebagai bau yang menyenangkan atau tidak menyenangkan mengikut pengalaman sebelumnya.

Cara penggunaan:



Buka penutup inhaler dan letakkan tiub batang hidung dekat dengan hidung dan tarik nafas dalam-dalam. Ulangi langkah pada setiap lubang hidung 3 hingga 4 kali setiap penggunaan. Digunakan bila-bila masa diperlukan. EASE Nasal Stick selamat digunakan kepada kanak-kanak dan wanita hamil.


Langkah Berjaga-jaga:

Minum air sekerap mungkin untuk membantu proses detoksifikasi atau nyah nikotin dari tubuh.

Saiz:

2 ml

Kelulusan National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)



QUEST 3+ SISTEM PENDAFTARAN PRODUK & PERLESENAN

Q QUEST 3+ Product Search

Product Category: ☒ Pharmaceutical ☐ Cosmetic

Search By: Product Name

Search:

Show 10 entries Print

#	Registration No / Notification No	Product Name	Holder
1	MAL20036042TC	Gritz EASE NASAL STICK	Ritz Herbs & Aroma Trading

Showing 1 to 1 of 1 entries

Ujian Makmal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang Memastikan Tiada Bahan Kimia atau Campuran di dalam Ease Nasal Stick

	INB/SERV/0001	Issue: 2	Effective date: 15.07.2020
	GC-MS TEST REPORT		
	Lab Ref. No: UKM-INBIO-2021-NA-0096		

Findings/Summary : No adulterant, contaminant or diluent were detected using GC-MS

Analyzed by



Syahmi Afiq Bin Mustaza
Operator in Charge
Assistant Science Officer
Institute of Systems Biology
Universiti Kebangsaan Malaysia

Verified by



DR. KAMALRUL AZLAN AZIZAN
Fakulti Penyelidikan
Institut Biologi Sistem (INBIOSES)
Universiti Kebangsaan Malaysia
LNC 0/2006/6766/14

Kamalrul Azlan Azizan
Technical Manager

Kajian Usahasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) Mengenai Keberkesanan Ease Nasal Stick Terhadap Perokok



Pengarah Urusan Gritz Sdn Bhd menandatangani MoA



Ini adalah kajian usahasama pertama yang melibatkan pihak industri dan Universiti Sains Malaysia (USM) tentang keberkesanan minyak pati terhadap ketagihan merokok. Turut serta pada majlis menandatangani MoA ini ialah Timbalan Naib Canselor, YBhg. Professor Dato' Ir. Dr Abdul Rahman Mohamed dan wakil dari agensi Teraju, Encik Mohd Fazzil.



Kajian ini telah bermula pada 1 Jun 2022 dan tamat Peringkat Pertama pada Julai 2023. Kini, kajian diteruskan pada Peringkat Kedua pada 15 Julai 2023 dan masih dalam kajian.

The Research Protocol

1. MTT assay

Objective

To measure cytotoxic effect of essential oil of various concentrations

Test preparation and procedures

1. Seed BALBc/3T3 cells in 96-well plate
2. After 24 hours, treat the cells with 6 concentrations of essential oils
3. After 48 hours of incubation, MTT reagent is applied to each well in the plate for 3 hours in the dark
4. Solution in each well is aspirated and replaced with 100 uL DMSO
5. Plate is shaken for 1 min, before absorbance is measured using a microplate reader at 570nm and 630nm wavelengths.

2. Nitrite assay/ROS assay

Objective

To evaluate the effect of 4 types of essential oils on Nitric oxide production.

Test preparation and procedures

1. Seed RAW264.7 cells in 96 well-plate
2. Induced RAW264.7 cells with nicotine for 8 h
3. Incubated with different types of essential oil for 24 h
4. 50 ul culture medium will be mixed with an equal volume of Griess reagent
5. Incubates 15 minutes at room temperature.
6. Measure the absorbance at 540 nm using a microplate reader.

3. Antimicrobial activities

Objective

To evaluate the inhibition zone for Agar Diffusion Method applied with Essential oil with various concentration.

Test Product

1. 4 types of essential oil

Test microorganisms

1. Staphylococcus aureus
2. Bacillus subtilis
3. Escherichia coli

4. *Enterobacter* sp.
5. *Pseudomonas aeruginosa*

Test preparation and procedures

- i. The surface of nutrient agar plate was swab with test microorganism, *Escherichia coli*, *Bacillus subtilis*, *Staphylococcus aureus*, *Pseudomonas aeruginosa*, and *Enterobacter* sp. Dip a sterile swab into the broth and express any excess moisture by pressing the swab against the side of the tube.
- ii. The swab was run around the circumference of the plate before discarded.
- iii. The surface then allowed to dry for about 5 minutes.
- iv. Disc dip into the test product and then place on the surface of agar plates.
- v. Sterile distilled water as used as a control.
- vi. Then all the plates were incubated at 37°C for 24 hours for all microorganisms.
- vii. Inhibition zone was observed and recoded.


4. ELISA-based dopamine quantification

Objective

To assess the effect of four types of essential oil on dopamine concentration.

Test preparation and procedures

1. SH-SY5Y cells will be seeded in 96 well plates.
2. SH-SY5Y cells will be expose with nicotine for 8 h.
3. SH-SY5Y cells will be cultured for 24 h with several types of essential oil following nicotine exposure.
4. The cells will be lysed, and the supernatant will be harvested for dopamine measurement using a commercially available ELISA kit.



Lawatan ke makmal School of Biological Sciences, USM

**Summary of research findings for
'The Effects of Ease Nasal Inhaler Towards Smokers' Analyses**

Four types of analyses has been conducted on four types of essential oil provided by Gritz Sdn Bhd which are black pepper, clove, peppermint and Ease Nasal Mixture. The summary of each analyses can be found below:

1) Antibacterial activity test

The analyses show that black pepper and clove have good antibacterial activity when exposed to multiple bacteria. Others Eo's tested exhibit little to non antibacterial activity. Antibacterial ability indicates that the product can prevent the growth or spread of bacteria.

2) Anti-inflammatory properties test

All types of Essential oil showed > 50% inhibition of protein denaturation at 200 µg/mL, indicating that they can inhibit 50% inflammation if used at 200 µg/mL, which is much better than the standard drug, diclofenac sodium. Although the other concentrations showed < 50% inhibition, there is still a minimum of 30% inhibition, suggesting that they can inhibit at least 30% inflammation at the lowest concentration of 12.5 µg/mL.

3) Cytotoxicity test

Based on the criterion that "a sample is considered cytotoxic if the percentage vitality value is <70% and noncytotoxic if the percentage vitality value is >70%", it could be derived from the results that **within the concentrations of essential oils used in this study, the essential oils are considered noncytotoxic and passed the MTT test.** This is based on the highest % inhibition reported which were 31.3% and 31.1% for clove and Ease essential oils respectively. However, it is worth noting that a slight concentration-response trend of Ease essential oil could be observed.

4) Dopamine release assay

In this experiment, essential oils did not have the same effect on dopamine release in SK-N-SH cells as nicotine. This could suggest that the essential oil tested was unable to activate the nicotinic receptor on SK-N-SH in the same way as nicotine did. Therefore, this Essential oil will not cause addiction on itself as nicotine.

In conclusion:

Based on the current analyses, it shown that ease nasal product does have antibacterial activity according to different percentage of its component and mixture tested. All the Eo's also can inhibit 50% inflammation if used at 200 µg/mL. For MTT test, within the concentrations of essential oils used in this study, the essential oils are considered noncytotoxic and passed the MTT test. Dopamine release assay shows that the Eo's will not cause addiction on itself as nicotine.

Suggestion for further research

Short term suggestion:

Dopamine release assay induce with nicotine-(6 month) -Aim for research publication

Cells treated with nicotine -24h (control)

Co-incubate with the Eo's

Long term suggestion: (2 years) -need to apply research grants

Animal toxicity study(rodent)- toxicity profile of EO acute, sub-acute and chronic which include biochemical, hematology and hispathology.

Human study- toxicity and effectiveness.

Prepared by;



Dr. Amira Suriaty Yaakop

Principal Investigator,

'The Effects of Ease Nasal Inhaler

Towards Smokers' Analyses

d. Tarikh inovasi dihasilkan

Produk ini telah diformulasikan sejak tahun 2020. Akan tetapi, proses untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia, penambah baik produk telah mengambil masa dan Ease Nasal Stick telah diperingkat pengeluaran dan komersial pada tahun 2022.

e. Tujuan projek inovasi


Menerusi satu rencana yang dilaporkan pada 2019, dalam tempoh tujuh tahun, seramai 73,836 perokok menyertai program berhenti merokok di Malaysia, namun hanya 23 peratus berhenti sepenuhnya dalam tempoh enam bulan, iaitu mewakili 16,930 individu. Malah menurut American Cancer Society, dua daripada tiga lelaki hendak berhenti merokok tetapi tidak berjaya. Menurut kajian oleh Sood dan lain-lain (2006), perokok yang berhenti merokok lebih memilih menggunakan perubatan tradisional dan komplementari.


EASE Nasal Stick telah diformulasikan daripada 100% minyak pati asli cengkih, limau gedang, pudina dan lada hitam yang telah dibuktikan berkesan untuk membantu mengawal ketagihan nikotin melalui penyelidikan bersama Universiti Sains Malaysia. Projek inovasi ini adalah bertujuan untuk membantu perokok dalam usaha berhenti terus dari merokok. Golongan-golongan perokok ini bukannya tidak cakna tentang keburukan tabiat ini, namun mereka tidak mengetahui cara yang betul dan tidak mempunyai sokongan. Oleh itu, dengan menggunakan EASE Nasal Stick by Gritz, ia dapat membantu mereka bebas nikotin seawal 21 hari.

f. Proses pelaksanaan inovasi




PROSES PENGHASILAN EASE NASAL STICK INHALER







g. Proses sebelum dan selepas

Proses Sebelum




Proses Selepas



Mengenalpasti pembekal minyak pati yang berkualiti tinggi serta mempunyai dokumen CoA dan CGMS

h. Kumpulan sasar dan skop liputan



- 80% lelaki dan 20% wanita
- Mempunyai tabiat merokok dan vape


i. Impak inovasi terhadap kumpulan sasar

Elemen inovatif / kreatif

Hiduan adalah salah satu cara terbaik untuk dapatkan manfaat minyak pati tumbuhan. Melalui hiduan minyak pati (tumbuhan) di dalam EASE Nasal Stick, ia membantu mengurangkan keinginan seseorang untuk merokok, mengurangkan ketagihan terhadap nikotin dengan cara yang selamat, tanpa bahan kimia dan sudah tentu dengan harga yang berpatutan. Antara maklumbalas yang kami terima, kuantiti rokok yang dihidu telah berkurangan, rasa rokok tidak lagi sedap, ketagihan mereka telah berkurangan dan pernafasan mereka semakin lancar.

EASE Nasal Stick memberi mimik dan efek yang sama kepada perokok, iaitu tabiat gaya tangan dan rasa pemanasan di dada. Saiz EASE Nasal Stick yang kecil, mudah disimpan dan dibawa, menyebabkan ia merupakan salah satu pilihan terbaik bagi mereka yang mempunyai tekad dan keinginan untuk bebas rokok dan mendapatkan gaya hidup yang lebih sihat.




Untuk mengelakkan EASE Nasal Stick yang dimiliki dari tercicir, Gritz telah menempah tali lanyard khas untuk pelanggan yang ingin menggunakan EASE Nasal Stick secara optimum. Ini dapat memastikan EASE Nasal Stick sentiasa ada bersama mereka untuk digunakan.





Elemen keberkesanan

Setakat ini, EASE Nasal Stick telah BERJAYA membantu lebih 85% pengguna EASE Nasal Stick mengurangkan ketagihan terhadap nikotin, membantu perokok bebas nikotin dan mendapatkan kualiti hidup yang sihat dan terbaik.

Di Gritz, kami berhasrat untuk membantu lebih ramai untuk keluar dari permasalahan ketagihan nikotin ini dan kami mengambil peluang untuk berjumpa pengguna-pengguna EASE Nasal Stick untuk berkongsi perjalanan mereka bebas dari tabiat merokok dan vape. Kisah perjalanan “berhenti rokok dan vape” mereka ini boleh dilihat di Tiktok EASE Nasal Stick. Semoga dengan perkongsian mereka dapat memberi inspirasi dan semangat kepada perokok untuk bebas dari tabiat merokok.





Di sebalik tabir sesi temu bual dan rekod video pengguna-pengguna yang telah berjaya berhenti merokok dan vape menggunakan EASE Nasal Stick.

Elemen signifikan

- Mesra pengguna

Reka bentuk EASE Nasal Stick telah direka mengikut saiz yang kecil dan ringan supaya mudah dibawa kemana-mana sahaja. Produk mesra-poket ini juga diperbuat daripada aluminium anti-karat yang mempunyai sedikit pemberat sekaligus selamat untuk digunakan bersama minyak pati. Tali lanyard khas EASE Nasal Stick juga ditawarkan untuk menggantung produk bersama agar dapat mengelakkan keciciran berlaku dan lebih mudah dibawa kemana-mana sahaja.

- Penjimatan masa/ kos/ sumber manusia

Harga sekotak rokok pada tahun 2024 ialah RM17.50, jika seseorang itu memerlukan 3 hari untuk menghabiskan sekotak rokok, maka 20 kotak bersamaan RM350 perlu digunakan untuk bekalan dalam tempoh dua bulan. Manakala, alternatif yang jauh lebih menjimatkan dengan satu unit EASE Nasal Stick berharga RM69 boleh digunakan sehingga tempoh satu hingga dua bulan, bermakna RM1.15 hingga RM2.30 sahaja yang dibelanjakan untuk sehari. Dalam pada itu, pengguna EASE boleh menghentikan penggunaan pada bila-bila masa dan tiada kesan sampingan. Kami sedar bukan mudah untuk berhenti kerana pasti mempunyai kesan sampingan sehingga badan betul-betul bebas daripada nikotin, namun inilah solusi terbaik dengan menggunakan bantuan EASE Nasal Stick untuk menjaga kestabilan kewangan individu.

Elemen Relevan

Gritz berharap usahasama kajian bersama pakar-pakar penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pusat Racun Negara mengenai 'Keberkesanan Ease Nasal Stick terhadap perokok' dapat memberi sumbangan kepada Negara dalam memberi Solusi kepada perokok untuk berhenti merokok dengan kaedah alternatif.



Pakar penyelidik ini telah selesai melakukan kajian dan analisis di peringkat pertama. Kajian seterusnya yang dijalankan akan lebih menfokuskan kepada *animal toxicity study (rodent) - toxicity profile* minyak pati akut, sub-akut dan kronik termasuk biokimia, hematologi dan histopatologi dan kajian tentang bahan toksik serta keberkesanannya.

Hasil daripada kajian pakar-pakar dari USM mendapati:

“The analyses found the black pepper and clove have good antibacterial activity when exposed to multiple bacteria. Others Eo’s tested exhibit little to non-antibacterial activity. Antibacterial ability indicates that the product can prevent the growth or spread of bacteria.

All Essential oils inhibited protein denaturation by over 50% at 200 µg/mL, indicating superior anti-inflammatory potential compared to diclofenac sodium. Even at lower concentrations, they demonstrated at least 30% inhibition, hinting at their effectiveness at 12.5 µg/mL.



According to the criterion defining cytotoxicity as a vitality value below 70%, the essential oils in this study are deemed noncytotoxic, passing the MTT test. The highest % inhibition, at 31.3% for clove and 31.1% for Ease essential oils, supports this conclusion. Notably, there's a slight concentration-response trend observed for Ease essential oil.



Essential oils didn't elicit the same dopamine release in SK-N-SH cells as nicotine, indicating a potential inability to activate the nicotinic receptor similarly. Consequently, this essential oil may not induce addiction like nicotine does.

In summary, the analysis reveals that the Ease nasal product exhibits antibacterial activity across various percentages of its components and mixtures. Additionally, all essential oils demonstrated the ability to inhibit 50% inflammation at 200 µg/mL. The MTT test confirmed the noncytotoxic nature of the essential oils within the studied concentrations. Furthermore, the dopamine release assay suggests that the essential oils are unlikely to induce addiction like nicotine.”


Secara ringkasnya, Ease Nasal Stick didapati mempunyai sifat anti-bakteria yang tinggi serta dapat membantu memberi kesan terbaik kepada paru-paru dan sistem pernafasan perokok. Juga terbukti Ease Nasal Stick selamat digunakan serta tidak memberi kesan ketagihan.

EASE Nasal Stick telah mendapat sokongan daripada ramai pihak yang bersama-sama ingin membantu Kerajaan dalam memberi kesedaran akan kesan merokok dan vape kepada sosial dan kesihatan. Antara kolaborasi yang telah dijalankan adalah bersama dengan Dr Wan Share, Dr Fauzan, Dr Alya dan beberapa ahli farmasi di seluruh Malaysia.





j. Pengiktirafan diterima



- Pemenang SUPERB 2021 daripada agensi TERAJU
- Top 10 Finalist, So You Think You Can Pitch 2022 by RAE VENTURES
- Malaysia Top E-Commerce Merchant Award 2023

k. Gambar-gambar berkaitan

Ekspo di Singapura

Gritz telah mengambil bahagian di dalam Malaysia Fest 2022, bertempat di Singapura pada 25hb hingga 28hb Ogos 2022. Ekspo ini dianjurkan oleh FAMA di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Malaysia. Hasil daripada ekspo tersebut, kami mendapati negara Singapura dan negara serantau boleh menjadi peluang pasaran seterusnya bagi EASE Nasal Stick.



I. Penutup

Matlamat asas Gritz adalah mewujudkan kesejahteraan kesihatan untuk semua. Gritz akan sentiasa meneruskan usaha-usaha penyelidikan untuk membolehkan kami menghasilkan inovasi baru yang akan dapat membantu orang ramai untuk mengatasi pelbagai masalah kesihatan. Melalui pendekatan yang inovatif, kami yakin matlamat kami untuk menghasilkan lebih banyak produk-produk baru akan tercapai.

Usahasama penyelidikan dengan pelbagai pusat penyelidikan akan kami teruskan. Kami memperuntukan sejumlah dana yang diperolehi dari jualan untuk menyokong usaha-usaha penyelidikan bagi penghasilan produk-produk baru.

Ease Nasal Stick merupakan salah satu inovasi produk yang terhasil dari usaha penyelidikan Gritz Essential Oils selama ini.

Disediakan oleh

Nama : Nur Fatehah Basran
Tel. : 013-3503766
E-mel : nur@gritz.my

Nama : Siti Nor Nabila Zainuddin
Tel. : 018-9522612
E-mel : nabilagritz@gmail.com

Lampiran








Stok bahan mentah untuk penghasilan produk






Gambar-gambar produk

Video shooting









Kolobarasi bersama pengengaruh



Premis perniagaan